

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : NASIONAL

Penularan COVID-19

45 kematian bagi 10,000 kes jangkitan

2,650 korban kumulatif dilaporkan pada 29 Mei

Oleh Hafidah Mat Huzki dan Suzalina Halid
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Minggu epid ke-21 dari 23 hingga 29 Mei lalu mencatatkan kadar kematian akibat COVID-19 pada paras 0.47 peratus daripada keseluruhan kes jangkitan di negara ini.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Adham Baba, berkata pada 29 Mei, sebanyak 2,650 kematian kumulatif dilaporkan.

Beliau berkata, kadar kematian itu mencerminkan 45 orang meninggal dunia bagi setiap 10,000 kes jangkitan dicatatkan. "Sejumlah 451 kematian dilaporkan pada minggu epid 21, dengan purata 64 kes kematian harian.

"Kementerian Kesihatan (KKM) merekodkan peningkatan 35.4 peratus angka kematian pada minggu epid 21 berbanding minggu epid 20.

"Peningkatan kematian ini dapat dilihat sejak sembilan minggu lalu iaitu sejak minggu epid 12,"



Putugas kesihatan melakukan ujian saringan COVID-19 percuma terhadap orang ramai yang dianjurkan kerajaan negeri Selangor di Dewan Majlis Perbandaran Klang Taman Klang Jaya, Klang, semalam. (Foto Faiz Anuar/BH)

katanya pada sidang media Badan Bertindak Imunisasi COVID-19 (CITF) secara maya, semalam.

Yang turut hadir Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Khairy Jamaluddin.

Dr Adham berkata, kes COVID-19 yang perlu dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU) turut meningkat 32.1 peratus atau 183 kes berbanding pada minggu epid 20.

Beliau berkata, sebanyak 844

kes COVID-19 yang dirawat di ICU direkodkan pada 29 Mei lalu dengan purata kes harian sebanyak 757.

Katanya, peningkatan itu direkodkan sejak 10 minggu lalu.

"Sebanyak 50.9 peratus (430) daripada kes yang dirawat di ICU memerlukan alat bantuan pernafasan setakat 29 Mei lalu, dengan kes purata sebanyak 386, peningkatan 23.3 peratus (73) berbanding Minggu Epid 20.

"Peningkatan terhadap keperluan alat bantuan pernafasan turut berlaku sejak 10 minggu lalu," katanya.

Sementara itu, Dr Adham berkata, pihaknya belum menerima laporan kematian yang boleh dikaitkan dengan pemberian vaksinasi COVID-19.

Bagaimanapun, katanya, pihaknya sudah mula menerima kes tuntutan untuk Tabung Muarat Vaksinasi.

Varian membimbangkan menular seluruh negara

Putrajaya: Kementerian Kesihatan (KKM) mengesan 119 kes yang dijangkiti oleh virus SARS-CoV-2 yang dikategorikan sebagai varian membimbangkan (VOC) dan varian mempunyai kepentingan (VOI).

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, berkata jika dilihat daripada kes yang dijangkiti VOC itu, varian berkenaan sudah menular di seluruh negara, terutama bagi varian B.1.351 dari Afrika Selatan.

Katanya, besar kemungkinan varian berkenaan sudah menular dengan lebih meluas dalam komuniti sekurang-kurangnya satu jenis VOC di semua negeri di Malaysia.

"Memandangkan VOC didapati mempunyai kadar kebolehjangkitan yang lebih tinggi, situasi ini perlu diambil serius oleh setiap individu. Sekiranya rantai jangkitan penularan tidak diputuskan, ia akan terus merebak dan menyukarkan kita untuk membendung peningkatan kes COVID-19.

"Berikutan itu, KKM akan terus memantapkan aktiviti kawalan penyakit berjangkit termasuk meneruskan survelan geno-

mik, memperbanyakkan ujian saringan COVID-19, melakukan pengesanan kontak, dan pengasingan kes serta langkah kesihatan awam lain bagi membendung penularan varian berkenaan dalam komuniti" katanya dalam kenyataan, di sini, semalam.

Sementara itu, jumlah kes COVID-19 kembali menunjukkan penurunan dua hari berturut-turut, dengan 6,824 kes dilaporkan semalam.

Dr Noor Hisham berkata, ia menjadikan jumlah keseluruhan kes COVID-19 di negara ini meningkat ke 572,357 kes.

Katanya, semua negeri mencatatkan pertambahan kes semalam dan Selangor menjadi negeri tertinggi mencatatkan kes baharu sebanyak 2,111 kes.

Ini diikuti Kelantan dengan 695 kes, Sarawak (654), Johor (489) dan Kedah (464).

"Hanya Perlis mencatatkan pertambahan kes dua digit iaitu 12 kes dilaporkan hari ini (semalam)," katanya.

Sehingga kini, sebanyak 79,523 kes aktif dengan kebolehjangkitan COVID-19 di negara ini.

"Daripada jumlah itu, 851 kes masih dirawat di Unit Rawatan

Rapi (ICU), manakala 422 kes masih memerlukan alat bantuan pernafasan," katanya dalam kenyataan di sini, semalam.

Mengenai 67 kes kematian yang dilaporkan semalam, 64 daripadanya membabitkan warga negara, manakala tiga lagi ialah warga asing berusia antara 15 hingga 99 tahun.

Sebanyak 15 kes kematian dikesan di Selangor, Johor (12), Sarawak (lapan), Kedah (enam), masing-masing lima di Negeri Sembilan dan Kelantan, Pahang (empat); masing-masing tiga di Pulau Pinang, Labuan dan Melaka, manakala dua kes di Sabah serta satu di Kuala Lumpur.

Mengenai 25 kluster baharu yang dikesan semalam, Dr Noor Hisham berkata, 14 kluster membabitkan tempat kerja, sembilan dalam kalangan komuniti manakala masing-masing satu dalam kumpulan berisiko tinggi serta pendidikan tinggi.

Kluster berkenaan ialah Kluster Jalan Alam Jaya (Hulu Langat); Kluster Jalan Perusahaan Dua Lima (Hulu Langat, Gombak dan Petaling); Kluster Jalan Coastal Bintulu-Miri (Bintulu); Kluster Jalan Sierra Perdana Empat (Johor) dan Kluster Dah PKNK 3/8 (Kuala Muda).

"Turut dikesan ialah Kluster Perindustrian Trisege (Lembah Pantai); Kluster Jalan Mahsuri

Kluang (Kluang); Kluster Tapak Bina Klebang (Melaka Tengah); Kluster Lintang Bayan Lepas Enam (Pulau Pinang) dan Kluster Industri Bukit Minyak Tujuh (Pulau Pinang).

"Selain itu ialah Kluster Industri Indera Mahkota 2 (Kuantan); Kluster Muara Tabuan (Sarawak); Kluster Industri Jalan Karak (Bentong) dan Kluster Jalan Sudirman (Temerloh)," katanya.

Sementara itu, turut dikesan ialah Kluster Jalan Pantai Permai (Lembah Pantai); Kluster Langgar Hilir (Terengganu); Kluster Kampung Gelong Badak (Kelantan); Kluster Tok Jawa (Kelantan) dan Kluster Jalan Jambusan-Sunchar (Sarawak).

"Kluster lain ialah Kluster Dah Bagan (Kedah); Kluster Kampung Sungai Kerang (Perak); Kluster Milenium (Tawau); Kluster Kampung Laneh (Perak) dan Kluster Dah Batu Dua (Kota Setar)," katanya.

Sehingga jam 12 tengah hari semalam, terdapat 5,251 kes sembuh dilaporkan menjadikan jumlah keseluruhan kes sudah sembuh daripada COVID-19 di negara ini sebanyak 490,038 kes.

“ Besar kemungkinan varian berkenaan sudah menular dengan lebih meluas dalam komuniti sekurang-kurangnya satu jenis VOC di semua negeri di Malaysia ”

Dr Noor Hisham Abdullah,
Ketua Pengarah Kesihatan



Terkini COVID-19 5,251

Pulih, dibenar keluar hospital, semalam

6,824 Kes baharu disahkan, semalam

2,796 Jumlah kematian dicatat

572,357 Jumlah kes disahkan positif

79,523 kes yang masih dirawat

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 12

RUANGAN : COVID-19

1,052,145 sudah terima dos vaksin kedua

Kuala Lumpur: Seramai 1,052,145 individu sudah menerima dos kedua vaksin Covid-19 setakat kelmarin, kata Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Adham Baba.

Menerusi catatan di Twitternya, beliau berkata seramai 1,860,864 orang sudah menerima dos pertama, menjadikan jumlah pemberian vaksin Covid-19 setakat kelmarin ialah 2,913,009 dos.

Dr Adham berkata lima negeri tertinggi yang sudah melengkapkan kedua-dua dos ialah Selangor dengan 139,427 dos diikuti Sarawak (109,934); Perak (97,558); Kuala Lumpur (94,399) dan Johor (92,231).

Menurutnya, setakat kelmarin, 49.9 peratus atau 12,117,091 individu sudah mendaftar untuk

menerima suntikan vaksin dengan Selangor mencatatkan pendaftaran tertinggi sebanyak 3,223,832.

Mengikut perancangan program imunisasi itu, tempoh pelaksanaan fasa pertama pemberian vaksin yang bermula Februari hingga April lepas membabitkan 500,000 anggota barisan hadapan termasuk petugas kesihatan.

Fasa kedua bermula April hingga Ogos pula membabitkan 9.4 juta warga emas, kumpulan rentan dan Orang Kurang Upaya manakala fasa ketiga yang dijadual pada Mei tahun ini hingga Februari 2022, membabitkan individu 18 tahun dan ke atas, warganegara dan bukan warganegara, dengan sasaran 13.7 juta orang atau lebih. - Bernama

AKHBAR : SINAR HARIAN
 MUKA SURAT : 7
 RUANGAN : VAKSIN UNTUK RAKYAT

6,824 kes baharu, 67 kematian

Sebanyak 851 kes dirawat di ICU dengan 422 daripadanya memerlukan alat bantuan pernafasan

KUALA LUMPUR

MEDEPANI KRISIS COVID-19: APA TINDAKAN KITA?

Jumlah kes baharu Covid-19 yang dilaporkan pada Isnin terus menurun kepada 6,824 menjadikan jumlah kumulatif ialah 572,357 kes, kata Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah.

Pada Ahad, kes baharu pandemik itu di Malaysia mencatat penurunan ketara iaitu 6,999 kes berbanding 9,020 pada Sabtu, pengurangan sebanyak 2,021 kes.

Menerusi catatan di Twitter, Dr Noor Hisham berkata, Selangor masih menyumbang kes



DR NOOR HISHAM

harian tertinggi sebanyak 2,111 diikuti Kelantan (695); Sarawak (654); Johor (489); Kedah (464); Kuala Lumpur (387) dan Melaka (352).

Selain itu, Pulau Pinang mencatatkan 328 kes, Perak (255); Negeri Sembilan (253); Pahang (219); Sabah (207); Terengganu (204); Labuan (166); Putrajaya (28) dan Perlis (12).

Sementara itu, dalam kenyataan mengenai perkembangan Covid-19, Dr Noor Hisham memaklumkan, terdapat 67 kematian dilaporkan melibatkan 15 kes di Selangor, Johor (12), Sarawak (lapan), Kedah (enam), masing-

masing lima kes di Negeri Sembilan dan Kelantan; Pahang (empat) serta masing-masing tiga di Pulau Pinang, Labuan dan Melaka; Sabah (dua) dan satu kes di Kuala Lumpur.

"Jumlah individu yang dirawat di unit rawatan rapi (ICU) setakat ini adalah sebanyak 851 kes dengan 422 daripadanya memerlukan alat bantuan pernafasan," katanya.


Beliau berkata, terdapat 25 kluster baharu dikesan pada Isnin melibatkan 14 kluster tempat kerja, sembilan kluster komuniti dan masing-masing satu kluster pendidikan tinggi dan kumpulan berisiko tinggi, menjadikan jumlah kluster aktif kini 655 kluster.

Dr Noor Hisham berkata,


kluster tempat kerja itu melibatkan Kluster Jalan Alam Jaya, Selangor; Kluster Jalan Perusahaan Dua Lima, Selangor; Kluster Jalan Coastal Bintulu-Miri, Sarawak; Kluster Jalan Sierra Perdana Empat, Johor; Kluster Dah PKNK 3/8, Kedah dan Kluster Perindustrian Trisegi, Kuala Lumpur.

Kluster tempat kerja juga melibatkan Kluster Jalan Mahsuri Kluang, Johor; Kluster Tapak Bina Klebang, Melaka; Kluster Lintang Bayan Lepas Enam, Pulau Pinang; Kluster Industri Bukit Minyak Tujuh, Pulau Pinang; Kluster Industri Indera Mahkota 14, Pahang; Kluster Muara Tabuan, Sarawak; Kluster Industri Jalan Karak, Pahang dan Kluster Jalan Sudirman, Pahang. -Bernama

SITUASI TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA



JUMLAH KES BAHARU DAN SEMBUH DILAPORKAN SETIAP HARI					
JUMLAH KESELURUHAN	PULIH	ICU	KEMATIAN	KES BAHARU	SUDAH DIVAKSIN
572,357	490,038	851	2,796	+6,824	2,913,009



INFOGRAFIK: SINAR HARIAN/EPIC

AKHBAR : SINAR HARIAN
 MUKA SURAT : 8
 RUANGAN : VAKSIN UNTUK RAKYAT

Jabatan Kesihatan negeri, PKD diberi kebebasan percepat beri vaksin

PUTRAJAYA - Badan Bertindak Imunisasi Covid-19 (CITF) memberi kebebasan kepada Jabatan Kesihatan negeri dan Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) untuk menggunakan apa jua kaedah bagi mempercepatkan pemberian vaksin kepada penduduk setempat.

Menteri Penyelaras Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan (PICK), Khairy Jamaluddin Abu Bakar berkata, langkah pemerkasaan itu termasuk unit bergerak ke lokaliti.

"Kalau penduduk tidak boleh keluar, kita gerakkan *mobile unit* kepada mereka," kata Khairy dalam sidang akhbar di sini pada Isnin.

Menurutnya, langkah tersebut telah dilaksanakan oleh Terengganu dengan menjalankan vaksinasi dari rumah ke rumah.

"Beberapa hari lalu Terengganu telah mendapat kebenaran CITF dan ia berjaya dilaksanakan," kata beliau.

Beliau berkata, sebanyak 20 peratus ketidakhadiran ke pusat pemberian vaksin (PPV) direkodkan di seluruh negara.

"Antara puncanya adalah masalah pengangkutan selain

sikap suka tangguh," katanya.

Sementara itu, Khairy memaklumkan sebanyak 30 unit trak bergerak akan digunakan sebagai *pilot project* vaksinasi Covid-19 ke kawasan pembinaan dan sekitar Program Perumahan Rakyat (PPR) Kuala Lumpur.

Beliau berkata, inisiatif tersebut merupakan kerjasama dengan Kementerian Wilayah Persekutuan.

"Setiap trak mempunyai kapasiti 100 dos vaksin," kata Khairy.

Menurutnya, kaedah tersebut akan dimulakan dalam tempoh seminggu daripada sekarang.

"Sekiranya berjaya, ia akan diperluaskan ke negeri-negeri lain sebagai usaha mempercepatkan program imunisasi kita," kata beliau.

Sebelum ini, Menteri Wilayah Persekutuan, Tan Sri Annuar Musa memelawa kerajaan menggunakan kemudahan pihaknya iaitu trak bergerak dan MyMedic dalam usaha merencanakan lagi PICK.

Dianggarkan dua juta penduduk Kuala Lumpur menerima suntikan vaksin Covid-19 sepegunya menjelang Oktober depan.

Lebih 80,000 kanak-kanak dijangkiti Covid-19

PUTRAJAYA - Malaysia merekodkan seramai 82,341 kanak-kanak dan bayi dijangkiti Covid-19 sejak pandemik itu bermula, kata Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Adham Baba.

Daripada jumlah itu, sebanyak 19,851 kes membabitkan golongan berusia daripada 0 hingga 4 tahun, 8,237 (5 hingga 6 tahun), 26,851 (7 hingga 12 tahun) serta 27,402 (13 hingga 17 tahun) dan mereka adalah pesakit Covid-19 kategori 1, 2 dan 3.

Bagaimanapun katanya, tiada di antara golongan itu yang dirawat di unit rawatan rapi (ICU).

"Ibu bapa atau penjaga dinasihatkan untuk bertanggungjawab melindungi golongan berkenaan daripada dijangkiti seperti tidak membawa anak mereka ke tempat yang sesak," katanya pada sidang media di sini pada Isnin.

Beliau berkata, kanak-kanak merupakan golongan yang dikenal pasti sebagai berisiko tinggi dan mudah mendapat jangkitan.

"Jika ada ibu bapa yang ingkar kepada prosedur operasi standard (SOP) sehingga menyebabkan kanak-kanak dijangkiti, kertas siasatan boleh dibuka mengikut Akta 342," katanya.

Mengulas mengenai jangkitan pada minggu epid ke-21, Dr Adham berkata, sebanyak 53,419 kes direkodkan dengan purata 7,631 kes setiap hari.

"Ia meningkat sehingga 37.7 peratus berbanding minggu sebelumnya," katanya.

Menurutnya, sebanyak 451 kes kematian



Dr Adham pada sidang akhbar di Putrajaya pada Isnin.

turut dilaporkan bagi tempoh sama dengan purata 64 kematian sehari.

"Terdapat peningkatan 35.4 peratus berbanding minggu epid ke-20," katanya.

Bagi ujian saringan Covid-19, Dr Adham berkata, sebanyak 11,867,335 saringan telah dilakukan pihaknya.

"Sebanyak 767,209 saringan dilakukan pada minggu epid ke-21 di mana terdapat peningkatan 17.1 peratus berbanding minggu sebelumnya," katanya.

Tambah Dr Adham, sebanyak 774,863 individu dari seluruh negara telah disampel dengan 53,419 didapati positif Covid-19.

"KKM akan meningkatkan saringan kontak rapat khususnya di Lembah Klang dengan mewujudkan pusat-pusat persampelan dalam komuniti.

"RTK-Ag akan digunakan bagi mempercepatkan pengenalpastian kes supaya pencegahan penularan jangkitan dalam komuniti dapat dilaksanakan," katanya.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

MUKA SURAT : 3

RUANGAN : DALAM NEGERI

Vaksinasi rumah ke rumah

Oleh **MOHD. HUSNI MOHD. NOOR**
utusannews@mediamula.com.my

PUTRAJAYA: Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) dan Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) di seluruh negeri diberi kebebasan melaksanakan kaedah sesuai bagi mengatasi masalah isu ketidakhadiran ke Pusat Pemberian Vaksin (PPV).

Menteri Penyelaras Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan (PICK), Khairy Jamaluddin berkata, antara kaedah yang boleh dilaksanakan ialah menggerakkan unit bergerak vaksin dari rumah

ke rumah bagi memberi suntikan kepada penerima yang gagal dan berdepan masalah untuk hadir ke PPV.

"Minggu lalu, JKN Terengganu telah minta kebenaran Badan Bertindak Imunisasi Covid-19 (CITF) bagi melaksanakan unit bergerak vaksin ke kampung-kampung untuk memberikan vaksin dari rumah ke rumah.

"Program itu telah berjaya dilaksanakan, justeru kita telah beri kebebasan kepada JKN dan PKD untuk mengatasi masalah ketidakhadiran ke PPV.

"Kalau mereka enggan keluar rumah, kita akan gerakkan unit

bergerak untuk pergi ke rumah mereka," kata beliau pada sidang akhbar mingguan CITF di sini semalam.

Pada masa sama, Khairy berkata, buat masa ini, pihaknya akan terus menghubungi individu yang gagal hadir ke PPV dan menggalakkan mereka untuk hadir ke slot janji temu vaksin.

Katanya, tindakan kompaun jika tidak hadir ke PPV mungkin akan menjadi pilihan terakhir jika individu berkehaan masih enggan hadir ke PPV.

"Hari ini, kita masih dengan pendekatan hubungi mereka supaya mereka dapat memenuhi

janji temu vaksin itu," katanya.

Sebelum ini, media melaporkan beberapa negeri merekodkan jumlah ketidakhadiran untuk menerima suntikan vaksin agak tinggi.

Menerusi laporan itu, seramai 10,827 individu dikesan gagal hadir menerima suntikan vaksin di Kedah dan seramai 10,000 individu turut dikesan melakukan perkara sama di Kelantan.

Pada masa sama, 10,000 individu disahkan gagal menghadiri janji temu vaksin di Pahang, Johor (14,144), Perak (9,000) dan Negeri Sembilan (6,200) Melaka (3,934) dan Perlis (3,000).

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

MUKA SURAT : 7

RUANGAN : NATION/NEWS

LETHAL PANDEMIC

'RISE IN COVID-19 DEATHS OVER PAST 9 WEEKS'

For every 10,000 people infected, 45 may die, says health minister

DAWN CHAN
KUALA LUMPUR
news@nst.com.my

HEALTH Minister Datuk Seri Dr Adham Baba said up to Saturday, the Covid-19 fatality rate stood at 0.47 per cent with 2,650 deaths.

There were 451 deaths reported with an average of 64 a day, a 35.4 per cent increase compared with the previous week. The increase in deaths had been observed for the past nine weeks, he said.

"This showed that for every 10,000 people infected, 45 may die. Seventy-one per cent of

deaths involved those aged 60 and above.

"They had high blood pressure, diabetes, high cholesterol, kidney and heart disease as well as lung complications."

He said since the pandemic began, 82,341 children and teenagers (from infants up to 17), had been infected with Covid-19.

Data from Jan 25 last year to Sunday showed that there were 19,851 cases from the 0 to 4 age group, 8,237 from the 5 to 6 age group, 26,851 from the 7 to 12 age group and 27,402 from the 13 to 17 age group.

"The younger generation is now more prone to contracting the virus compared with last year when the transmission was then more prevalent among those aged 60 and above," he said yesterday.

Dr Adham advised parents to adhere to the standard operating procedure (SOP) to protect their children.



Family members watching frontliners bury the body of their loved one, who died of Covid-19, at the Setali Muslim Cemetery in Kuantan on May 2. PIC BY ARIZUL HAFIZ AWANG

Parents, he added, should refrain from taking their children to crowded places.

"This is important and we have given this advice under the Prevention and Control of Infectious Disease Act 1988 or Act 342.

"We do not have a provision for a compoundable clause under Act 342.

"But with the SOP issued by the National Security Council, which has been gazetted, we can open an investigation paper against parents who defy the order by exposing their children in high-risk areas."

Dr Adham said the ministry would ramp up close contact screenings in states where the positivity rate derived from Covid-19 sampling tests was more than five.

In the epidemiological week 21, from May 23 to Saturday, all states in the country, except Perak, Sabah and Perlis, registered a positivity rate of more than five, with Kelantan having the highest positivity rate at 11.84 per cent.

Dr Adham said the average positivity rate for epidemiological week 21 was 6.89.

The state with the second-highest positivity rate was Negri Sembilan (10.03), followed by the Federal Territory of Labuan (8.78).

Other states and territories with high positivity rates were Putrajaya (8.61), Selangor (7.99), Melaka (7.95), Kedah (7.70), Terengganu (5.80), Sarawak (5.79), Johor (5.79), Kuala Lumpur (5.72), Penang (5.66) and Pahang (5.44).

Perak, Sabah and Perlis registered the lowest positivity rates at 4.78, 3.83 and 3.79, respectively.

AKHBAR : THE STAR

MUKA SURAT : 2

RUANGAN : NATION

Protection planned for two groups

Essential industries and refugees to get inoculated amid MCO 3.0

By MAZWIN NIK ANIS
and CLARISSA CHUNG
newsdesk@thestar.com.my

PUTRAJAYA: A vaccination programme for industries that remain open during the movement control order, including for their foreign workers, will kick off soon, says Khairy Jamaluddin.

The National Covid-19 Immunisation Programme coordinating minister said details of the programme would be announced next week.

"We will prioritise industries that are operational during the MCO," he said at his weekly media briefing with Health Minister Datuk Seri Dr Adham Baba yesterday.

The programme, Khairy added, would cover foreign workers employed in the industries involved.

"The foreign workers will be given vaccinations at the same time as Malaysian workers employed in these industries," he said.

Last Friday, the government announced a nationwide full lockdown that starts today.

Only 17 essential sectors are allowed to operate, including the food and beverage industry, health-care facilities, and transportation.

The International Trade and Industry Ministry has listed 18 manufacturing and manufacturing-related sectors that are allowed to operate during the lockdown.

Khairy said the Covid-19 Immunisation Task Force would also discuss vaccinations for refugees at its meeting today.

"We want to plan on how to go about vaccinating the refugee population in the most effective way," he said, adding that the task force is also looking at how best to vaccinate undocumented migrants.

He said a discussion has been held with Federal Territories Minister Tan Sri Annuar Musa on the use of mobile trucks for vaccinations in certain areas in Kuala Lumpur, especially those with high infection rates.

"We will begin a pilot project under the mobile truck outreach programme where vaccinations are given to those residing in PPR (People's Housing Projects) residential areas as well as at construction sites that remain open during the lockdown," he said.

About 30 mobile trucks will be used for this outreach programme where around 100 vaccinations can be done per mobile truck per day.



Take care of another: Khairy (right) and Dr Adham Baba holding a press conference on the immunisation programme. — Bernama

Khairy also said that 12,117,091 or almost 50% of the country's population 18 years and above had registered for vaccinations.

The number of those who have been vaccinated is 2,913,009, of which 1,052,145 had completed two doses.

As at May 31, 3,871,725 people had registered under the second phase of the vaccination programme.

Khairy said the number of people

who registered saw a surge after the number of cases went up.

"There is greater awareness on the part of the public to get vaccinated to protect themselves.

"We will boost vaccinations and expedite the process to meet the people's concerns," he said.

He said there were reasons why people did not turn up for their vaccination appointments, including transport issues and a lackadaisical

attitude, assuming they could get jabbed later even if they missed this appointment.

"We will hand over waiting lists to state and district health offices so as not to waste vaccines ... due to no-shows.

"This way, they can either call those on the waiting list or call those with appointments earlier to remind them to turn up," Khairy said.

He also had an explanation as to why certain vaccine applicants received their appointments at other locations far from where they reside, saying that this had been traced back to MySejahtera users using the Google Maps API (application programming interface) for their address fields.

"For instance, somebody types 'Taman Bahagia' and all the (places named) 'Taman Bahagia' in Malaysia drop down as suggestions on the Google Maps API.

"And they may have simply clicked on the first Taman Bahagia that appeared. As a result, they are sent to Taman Bahagia in Sandakan, Sabah," he said.

"My message is, please go and update your address fields so that this (problem) can be minimised."

Investigation papers may be opened on errant parents

PETALING JAYA: Investigation papers may be opened on parents who continually expose their children to the Covid-19 virus, says Datuk Seri Dr Adham Baba.

The Health Minister said that although compounds would not be issued, investigations might be opened if there was deliberate violation of standard operating procedure.

"Parents should obey the SOP and protect high-risk groups, including children.

"We will give advice, and according to Act 342, we won't issue com-

pounds to those who bring their children to crowded areas.

"However, with the SOP issued by the National Security Council, parents who violate or who still expose their children to the virus, we can open investigation papers to assess (the matter)," he said in a press conference yesterday.

He said that children aged under 18 years old who were found to have contracted the Covid-19 virus now number over 82,000.

Infected children below the age of four number 19,851, those aged five to six number 8,237, seven to 12

number 26,851, while those aged 13 to 17 number 27,402.

Meanwhile, Dr Adham also said the average Covid-19 test positivity rate in Malaysia was 6.89% in epidemiological week 21 (May 23 to 29), with some states having even exceeded 10%.

The threshold set by WHO for adequate testing is a 5% positivity rate.

The positivity rate refers to the portion of positive Covid-19 cases that were detected out of the total tests conducted.

Higher positivity rates mean that

more testing should be done, as it suggests that there are more people with the disease in the community who have not been detected yet.

Dr Adham said that measures were being taken by the Health Ministry to enhance Covid-19 testing, especially in states with high positivity rates.

Kelantan is the state with the highest positivity rate at 11.84%, followed by Negri Sembilan at 10.03% and Labuan at 8.78%.

Other states with high positivity rates are Labuan (8.78%), Putrajaya (8.61%), Selangor (7.99%), Melaka

(7.95%), Kedah (7.70%), Terengganu (5.8%), Sarawak (5.79%), Johor (5.79%), Kuala Lumpur (5.72%), Penang (5.66%) and Pahang (5.44%).

The states which fall below the WHO threshold are Perak (4.78%), Sabah (3.83%) and Perlis (3.79%).

Dr Adham also said that the ministry had conducted full genome sequences on 447 samples as at May 24.

Cumulatively, 78 samples were of the South African B.1.351 variant, six were of the Indian B.1.617 variant, while another eight were of the UK B.1.1.7 variant.